

## PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA: SATU PENGENALAN RINGKAS

*Oleh: Abdul Kadir bin Haji Muhammad\**

### **Abstrak**

*Tulisan ini akan menjelaskan secara ringkas mengenai pengertian Islam dari sudut Syarak dan juga Islam mengikut Perlembagaan serta badan-badan yang diberi tanggungjawab melaksanakan pentadbirannya.*

### **1. Pendahuluan**

Sebelum membincangkan mengenai bagaimana undang-undang Islam diurus atau ditadbir di Malaysia, elok kita mengetahui terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan pentadbiran dan juga apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang Islam, baik dari sudut pengertian Syara` dan juga mengikut pengertian Perlembagaan Malaysia. Ini untuk membolehkan kita memahami sejauh mana pentadbiran itu dilakukan secara menyeluruh atau sebaliknya.

### **2. Erti Pentadbiran**

Mengikut Dr. Suwaid Tapah, pentadbiran merujuk kepada urusan siasah yang membawa maksud bagaimana mengurus sesuatu perkara dengan merujuk kepada kehendak dan kepentingan masyarakat itu sendiri atau dengan kata lain sebagai kuasa budi bicara pemerintah untuk kepentingan masyarakat<sup>1</sup>. Sehubungan dengan itu, apabila dikatakan 'Pentadbiran Undang-undang Islam', maka ia bermaksud bagaimana undang-undang Islam itu diurus atau ditadbirkan melalui otoriti yang sah bagi mencapai kepentingan yang dikehendaki oleh sebahagian masyarakat Islam di Malaysia.

### **3. Erti Undang-undang Islam**

#### **3.1 Pengertian Undang-undang Islam Mengikut Syarak**

Undang-undang Islam dari pengertian Syarak bermaksud suatu peraturan bagi menyusun kehidupan manusia yang berkait dengan perilaku hidup

---

\* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Syariah, KIAS.

lahiriah manusia sama ada perkara yang mempunyai hubung kait secara langsung manusia dengan Allah atau perkara bagi menyusun perilaku hidup manusia terhadap dirinya, antara masyarakat dengan masyarakat, antara masyarakat dengan negara atau antara negara dengan negara. Dalam kitab-kitab fiqh kesemuanya itu disebut sebagai *ibadah, munakahat, muamalat, jinayah wa al-hudud*, dan juga *al-jihad*.

Perkara yang menyentuh hubungan manusia dengan Allah disebut sebagai *ibadah*. Perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan disebut sebagai *munakahat*. Peraturan yang berkaitan dengan masyarakat disebut sebagai *muamalat*. Ia mencakupi urusan yang berkaitan dengan jual beli, gadaian, upah, sewa dan sebagainya. Juga mencakupi urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran negara. Perkara yang berkaitan dengan pencerobohan terhadap diri orang lain disebut sebagai *jinayah*. Pencerobohan terhadap agama, kehormatan perempuan, harta orang lain disebut sebagai *hudud*.

Sebagai kesimpulan apabila disebut undang-undang Islam dari sudut pengertian yang sebenar ia bermaksud suatu kumpulan peraturan yang syumul bagi mentadbir urusan manusia baik urusan dengan *khaliq*, juga urusan manusia sesama manusia dan juga manusia dengan makhluk-makhluk yang lain.

Kesyumulan undang-undang Islam telah dinyatakan oleh Allah secara jelas di dalam al-Quran. Antaranya firman Allah swt:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْثُوقًا

"Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan kepada orang mukmin"

Surah al-Nisa' (4): 103

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman difardukan puasa kepada kamu sebagaimana yang difardukan kepada umat sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertakwa"

Surah al-Baqarah (2): 183

حُذْ منْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً نُطَهَّرُهُمْ وَنُزَكِّيْهِمْ بِهَا

"Ambillah daripada mereka zakat dengannya membersihkan dan menyucikan mereka"

Surah al-Tawbah: 103

وَأَدْنَى فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ

"Dan serulah kepada manusia untuk mengerjakan Haji nescaya mereka datang kepada kamu secara berjalan kaki dan berkenderaan binatang yang kurus dari segenap pelusuk yang jauh"

Surah al-Hajj (22): 27

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

"Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

Surah al-Baqarah (2): 275

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُبَيِّنُ الْقِصَاصَ فِي القَتْلِ إِنَّ الْحُرُّ بِالْحُرُّ  
وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَى بِالْأُنْثَى ...

"Wahai orang-orang yang beriman difardukan kepada kamu qisas dalam pembunuhan, orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, perempuan dengan perempuan ..."

Surah al-Baqarah (2): 178

السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوْا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبُوا نَكَالًا مِنَ الله

"Orang-orang yang mencuri lelaki dan perempuan potonglah tangan kedua-duanya sebagai balasan kejahatan mereka dari Allah"

Surah al-Ma'idah (5): 38

Jelas dari sebahagian dalil-dalil di atas apabila disebut undang-undang Islam, maka ia mencakupi segala peraturan bagi menyusun kehidupan makhluk manusia dalam semua aspek.

### 3.2. Undang-undang Islam mengikut Perlembagaan Malaysia

Undang-undang Islam mengikut pengertian rasmi di Malaysia dijelaskan oleh Senarai Dua Jadual Ke Sembilan Perlembagaan Malaysia:

*Hukum Syara` dan Undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Islam, termasuk hukum Syara` berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam ... zakat fitrah dan Baitul Mal atau hasil ugama Islam dan seumpamanya masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, mengadakan dan menghukumkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang<sup>2</sup>.*

Dari peruntukan di atas dapat difahami apabila kita membincangkan undang-undang Islam di Malaysia secara rasmi, maka ia merangkumi perkara berikut :

- Pertunangan, perkahwinan, perceraian, khulu', fasakh, cerai taklik, menentukan giliran, lian, ila atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan suami isteri.

- Pembahagian harta yang terbit dari mana-mana perkara yang tersebut dalam perkara di atas.
- Nafkah orang-orang yang di bawah tanggungan, penjagaan atau pemeliharaan anak.
- Pembahagian harta sepencarian.
- Menentukan *nasab* (keturunan)
- Zakat dan fitrah
- Hibah.
- Pusaka
- Wasiat, wakaf atau nazar dan
- Mengenakan hukuman kerana melanggar kesalahan ta`zir, kerana tidak melaksana hukum ibadat dan juga kerana melakukan kesalahan jenayah hudud.

Bagaimanapun bagi kesalahan hudud, hukuman yang dikenakan bukan hukuman had. Antara kesalahan jenayah itu ialah pemujaan, dakwaan palsu, menghina agama Islam atau menyebabkannya dipandang hina atau seumpamanya, mempersendakan ayat-ayat al-Quran atau hadith, menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, mengingkari perintah mahkamah, mengajar agama tanpa tauliah, berpegang dengan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, bahan penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak, tidak menunaikan solat Jumaat, tidak menghormati Ramadan, tidak membayar zakat atau fitrah, menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama, berjudi, meminum minuman yang memabukkan, perbuatan sumbang mahram, pelacuran, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, liwat, *musahaqah*, khalwat, orang lelaki berlagak seperti wanita, perbuatan tidak sopan di tempat awam, memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu, *takfir*, memusnah atau mencemarkan masjid, surau dan sebagainya, pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa, pembayaran tidak sah zakat atau fitrah, menggalakkan maksiat, memujuk lari perempuan yang telah bersuami, menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, memujuk lari orang perempuan, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, dan *qazaf*.

Secara umumnya mengenai perkara di atas telah diperuntukan dalam dua undang-undang utama, iaitu bagi kes-kes *mal* diperuntukkan dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan bagi kesalahan jenayah

diperuntukkan dalam Undang-undang Jenayah Syariah. Selain dari itu, kesalahan-kesalahan lain telah diperuntukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Islam dan juga dalam undang-undang kecil yang lain seperti undang-undang zakat dan sebagainya.<sup>3</sup>

Berdasarkan kepada Perlembagaan Malaysia dan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang Islam negeri-negeri jelas ia tidak menggambarkan pengertian undang-undang Islam sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran dan juga hadith-hadith. Ini tidak hairan apa yang termaktub di dalam Perlembagaan itu sebagai warisan daripada peninggalan penjajahan Inggeris. Apabila mencapai kemerdekaan perkara tersebut diperakui oleh kerajaan Malaysia dan diperuntukkan secara jelas dalam Perlembagaan Malaysia.

#### 4. Kuasa Mentadbir Undang-undang Islam

Sehubungan dengan apa yang dinyatakan di atas satu hakikat yang tidak boleh ditolak apabila kita membincang pentadbiran Islam di Malaysia maka maksudnya mentadbir sebahagian kecil undang-undang Islam sahaja atau dengan pengertian lain mentadbir undang-undang Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Malaysia, tidak sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Negeri-negeri telah diberi kuasa bagi mentadbir undang-undang Islam yang dimaksudkan itu dan Raja sebagai ketuanya. Bagi negeri yang tidak mempunyai Raja, maka Yang Di Pertuan Agong adalah sebagai ketuanya. Perkara ini dijelaskan oleh Perkara Tiga: ceraian dua, tiga dan lima Perlembagaan, sebagaimana berikut:

*"Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua ugama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisyiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu ...*

*Perlembagaan-perlembagaan bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hedaklah masing-masing membuat peraturan bagi memberi kepada Yang di- Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Ugama Islam dalam Negeri itu,*

*Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini Yang Dipertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Ugama Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya"*

Negeri-negeri tidak diberi kuasa bagi mentadbir undang-undang Islam selain yang diberi khas oleh Perlembagaan sahaja. Ini jelas Undang-undang Hudud Negeri Kelantan 1999 tidak dapat dilaksanakan walau pun undang-undang tersebut telah dilulus oleh Dewan Undangan Negeri, kerana ia bercanggah dengan perlembagaan.

### 5. Agensi Pentadbiran Undang-undang Islam

Bagi membantu Raja dan negeri dalam mentadbir undang-undang tersebut beberapa agensi diberi tanggungjawab bagi mentadbir. Majlis Agama Islam Negeri-negeri sebagai agensi utama dalam melaksana pentadbiran tersebut dengan dibantu oleh dua institusi lain, iaitu Jabatan Hal Ehwal Islam dan Mahkamah Syariah. Sebelum penstrukturkan semula, boleh dikatakan kesemua urusan pentadbiran agama Islam terletak secara langsung di bawah Majlis Agama Islam negeri-negeri baik yang berkaitan dengan pengurusan pendidikan, pentadbiran masjid, pentadbiran zakat dan juga pentadbiran undang-undang Islam sebagaimana yang terdapat dalam dua enakmen utama di atas.

Majlis Agama Islam antara lainnya peranan utamanya ialah menolong dan menasihati Sultan dalam urusan agama. Lain-lain peranan adalah seperti berikut:

- Mengurus mengenai perlantikan Mufti dan Timbalannya
- Mengurus mengenai fatwa. Ia dilaksana oleh Jawatankuasa Ulamak Negeri dan hendaklah diwartakan. Jika tidak diwarta maka ia dianggap kekal sebagai pendapat sahaja.
- Mengurus mengenai pungutan zakat dan pengagihannya
- Mengurus mengenai harta wakaf
- Mengurus mengenai penubuhan masjid termasuklah perlantikan kakitangannya
- Mengurus perkara yang berkaitan dengan khairat
- Mengurus mengenai pemelukan orang bukan Islam ke dalam agama Islam

- Mengurus mengenai pendidikan Islam termasuklah mengenai sekolah-sekolah agama, tetapi sekarang ini diberi kuasa kepada agensi lain untuk mengurusnya. Di Kelantan misalnya diletak di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pula merupakan sebuah agensi bagi mengurus undang-undang Islam berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- Mengurus mengenai perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Seperti menganjur kursus pra perkahwinan, mendaftar perkahwinan dan perceraian. Ia diurus oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga.
- Mengurus perjalanan Kursus Pra Perkahwinan Islam, memproses permohonan kebenaran berkahwin luar negeri/negara, kahwin segera dan mukim ketiga, mendaftar perkahwinan luar negara setelah disahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan bacaan taklik, memproses pendaftaran ruju', menerima permohonan memeluk Islam dan membuat surat pengesahan memeluk Islam, mengeluarkan cabutan/salinan sijil perakuan nikah, cerai, ruju' dan taklik
- Mengeluarkan surat izin perempuan dan wakalah wali.
- Menjalankan sesi khidmat nasihat keluarga
- Mengurus pendakwaan mengenai kesalahan-kesalahan terhadap hukum Syarak. Ia diurus oleh Bahagian Pendakwaan Undang-undang Syariah dan diketuai oleh Pendakwa Syarie.

Mahkamah Syariah pula diberi kuasa bagi menyelesai pertikaian baik perkara mengenai pertikaian *mal* dan juga kesalahan jenayah Syariah sebagaimana yang dijelaskan di atas. Ia diurus oleh Jabatan Kehakiman Syar'ie negeri-negeri dengan diketuai oleh Ketua Hakim Syar'ie negeri. Sebelum Julai 1998 Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai susunannya yang berbeza. Misalnya di Kelantan ia mempunyai susunan atau urutan berikut; Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Khas, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Rayuan Bicara atau Jamaah Pengadilan. Begitu juga di beberapa negeri lain. Tetapi selepas tarikh tersebut ia diseragamkan antara negeri-negeri di Malaysia. Dengan rasminya ia dikenali sebagai Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

## Penutup

Dari perbincangan ringkas di atas ternyata kepada kita apabila kita membincang mengenai pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia, bererti menjurus kepada pentadbiran sebahagian kecil dari undang-undang Islam. Pengertian undang-undang Islam dalam Perlembagaan itu sebagai lanjutan kepada kefahaman yang ditinggal oleh Inggeris. Negeri diberi kuasa bagi mengurus pentadbirannya yang Raja sebagai ketua agama. Majlis merupakan badan utama dalam melaksanakan pentadbirannya dengan dibantu oleh dua agensi utama lain, iaitu Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri. Dari sudut pentadbiran nampaknya telah berkembang dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan masyarakat dan keperluan semasa tetapi dari pentafsiran undang-undang Islam yang rasmi tidak ada perbezaan dengan apa yang berlaku sebelum merdeka.

Dengan tulisan ini diharap masyarakat dapat memahami apabila disebut pentadbiran Islam, maka menjurus kepada sebahagian kecil Islam sebagaimana disebut. Di samping itu diharap pada suatu masa nanti pentadbiran Undang-undang Islam dapat laksanakan secara syumul sebagaimana perlaksanaan Islam pada zaman awal Islam dan zaman-zaman kegemilangan Islam. Ini merupakan satu tanggungjawab kerana ia adalah satu tuntutan Syarak.

#### **NOTA HUJUNG**

<sup>1</sup> Jurnal KIAS, bil. 1 (1425H/2004): 14.

<sup>2</sup> Perlembagaan Malaysia, Jadual ke Sembilan, Senarai dua (senarai negeri).

<sup>3</sup> Sila rujuk Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri; Undang-undang Jenayah Syariah negeri-negeri. Rujukan juga dibuat terhadap nota-nota Kulliah baik di KIAS dan juga Universit Malaya.